

Siswa bentuk jati diri melalui program bakti

► Lahirkan mahasiswa prihatin terhadap masyarakat

Oleh KENNEDDY CORLEUS

kentjunior92@gmail.com

UB 14/12/2012 B4

B O N G A W A N :
Kepelbagaiankomposisidan
latar belakang penduduk
mendorong 32 penuntut
Universiti Malaysia Sabah
(UMS) memilih untuk
tinggal selama tiga hari di
Kampung Tengah, di sini,
menerusi program Bakti
Siswa diadakan.

Program berkonsepkan
keluarga angkat itu
disertai penuntut akhir
fakulti Komunikasi dan
Kewartawanan bertujuan
melahirkan mahasiswa
prihatin terhadap masyarakat,
selain mendalami adat serta
budaya penduduk setempat.

Ahli Dewan Undangan
Negeri (Adun) Bongawan,
Datuk Karim Bujang berkata
pihaknya berbesar hati menerima
kehadiran mahasiswa itu yang
merupakan kali kedua
kawasan ini di kunjungi pelajar
institusi pengajian tinggi
(IPT) menerusi program
sama dua tahun lalu.

"Program bertemakan
'Memasyarakatkan
Mahasiswa, Mendokong
1Malaysia' ini mampu
menepatisasaran kerana setiap
peserta dapat memperolehi
pelbagai pengetahuan berguna
yang boleh diaplikasikan pada
masa akan datang."

"Aktiviti dijalankan
sepanjang program ini juga
dapat membantu mahasiswa
membentuk jati diri dan
prihatin terhadap masyarakat
sekeliling serta berdaya saing
yang mampu membentuk modal
insan diperlukan negara."

"Justeru, anak-anak harus
mengambil peluang menimba
ilmu dalam program ini kerana
ia adalah proses pembelajaran
dan menambah kematangan
sebagai persediaan
mengharungi dunia luar
selepas menamatkan pengajian
kelak," katanya.

Beliau berkata demikian
selepas merasmikan Program

“Kehadiran mahasiswa akan membantu kerajaan dalam mewujudkan persaingan sihat di kalangan penduduk dengan merangsangkan minat menggalakkan anak-anak belajar hingga ke peringkat lebih tinggi. Selain itu, pembabitan mahasiswa dengan penduduk akan mewujudkan perkongsian ilmu, sekaligus memberi peluang kepada penduduk memahami dasar pembangunan kerajaan khususnya berkaitan kemudahan pendidikan negara,” katanya.

DATUK KARIM BUJANG
Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bongawan

Bakti Siswa UMS yang diadakan di Dewan Kampung Tengah, di sini, kelmarin.

Hadir sama Pensyarah Komunikasi dan Kewartawanan merangkap penasihat program, Saat Ag Damit; Pemimpin Kemajuan Rakyat (UPKR) Bongawan, Zainal Matali; dan Ketua Pergerakan Puteri Umno Bahagian Kimanis, Saudah Sherzaman.

Sebanyak 11 buah keluarga di kampung itu telah terpilih menjadi keluarga angkat

kepada mahasiswa terbabit yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama.

Dalam pada itu, Karim turut menyarankan IPT tempatan untuk mengadakan lebih banyak program seumpamanya khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi membuka minda masyarakat setempat tentang kepentingan pendidikan.

“Kehadiran mahasiswa akan membantu kerajaan dalam mewujudkan persaingan

sihat di kalangan penduduk dengan merangsangkan minat menggalakkan anak-anak belajar hingga ke peringkat lebih tinggi.

“Selain itu, pembabitan mahasiswa dengan penduduk akan mewujudkan perkongsian ilmu, sekaligus memberi peluang kepada penduduk memahami dasar pembangunan kerajaan khususnya berkaitan kemudahan pendidikan negara,” katanya.

Pada majlis itu, Karim turut menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 11 keluarga angkat yang terlibat dalam program itu bagi memastikan ia berjalan lancar, sekaligus



KARIM berbual dengan sebahagian mahasiswa UMS di majlis itu.
(Gambar atas)



KARIM memberi motivasi dan nasihat kepada mahasiswa terlibat di program Bakti Siswa yang diadakan di Kampung Tengah. (Gambar kiri)



KARIM (duduk, empat kiri) bersama mahasiswa dan penduduk terlibat dalam program Bakti Siswa yang diadakan di Kampung Tengah.



KARIM menyampaikan sumbangan kepada salah seorang keluarga angkat terlibat dalam program Bakti Siswa itu.